

BAB

4

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DERIA MOTOR HALUS

*Nor Farahwahidah Abdul Rahman, Nur Amira Soleha Nor Aminni, dan
Ashamimi Maisara Ashaari*

4.1 PENGENALAN

Apakah yang terlintas di fikiran kita apabila mendengar perkataan ‘bersepah’, tidak kemas, kacau-bilau, tidak teratur, keliru, berselerak, huru-hara, tidak tersusun, kucar-kacir, atau mungkin arahan seperti, ‘Jangan buat sepah!’. Perkataan ‘bersepah’ sering diberikan makna negatif, sebaliknya ‘bersepah’ merupakan peluang pembelajaran yang sangat penting bagi kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya autisme. Permainan sensori ini dinamakan sebagai *messy play*. Lazimnya, kanak-kanak dengan autisme ini berdepan dengan cabaran pembelajaran yang berkait dengan kemahiran motor halus dan motor kasar berpunca daripada gangguan neuro.

Kanak-kanak dengan autisme sering mengalami cabaran dalam pemprosesan deria, sama ada dalam bentuk *hypersensitivity* (sensitiviti deria berlebihan) atau *hyposensitivity* (sensitiviti deria kurang) (Baranek et al., 2006). Salah satu pendekatan sensorimotor terapeutik yang dapat membantu dalam menangani cabaran ini ialah terapi *messy play*, yang memberi tumpuan kepada aktiviti sensori melalui eksplorasi bahan seperti pasir, air, cat, atau doh permainan. *Messy play* membantu kanak-kanak dengan autisme meningkatkan integrasi deria mereka dengan

memberikan pengalaman yang menyeronokkan dan bebas tekanan dalam memproses pelbagai rangsangan deria (Case-Smith et al., 2015). Aktiviti seperti mencurah air, memicit doh, atau bermain dengan pasir dapat memperbaiki keupayaan otak untuk mengatur dan menyesuaikan maklumat deria. Selain itu, *messy play* juga dapat mendorong perkembangan sosial dan komunikasi apabila kanak-kanak terlibat dalam aktiviti berkumpulan, seperti berkongsi bahan permainan atau bekerjasama untuk menyelesaikan tugas (Tucker, 2014).

Kekangan hiposensitif atau hipersensitif dalam kalangan kanak-kanak autisme mengekang perkembangan pembelajaran jika dibiarkan tanpa sebarang intervensi. Hiposensitif menunjukkan ciri-ciri kurang peka kepada rangsangan luar seperti bunyi yang kuat atau tekstur yang kasar. Manakala hipersensitif cenderung berlaku akibat daripada ketidakselesaan kepada rangsangan luar seperti bunyi, tekstur atau cahaya. Justeru, kaedah *messy play* diunjurkan sebagai salah satu kaedah intervensi terbaik bagi kedua-dua situasi berikut yang memfokuskan kepada perkembangan sensori bagi kanak-kanak dengan autisme.

4.2 TERAPI SENSORIMOTOR *MESSY PLAY*

Messy play merupakan permainan yang digunakan sebagai langkah intervensi berkesan ke atas pembangunan kemahiran motor bagi mengatasi cabaran pembelajaran melalui penggunaan deria. Menurut Duffy (1998), “*to mess*” merujuk kepada permainan yang menggunakan situasi bersepah sebagai peluang pembelajaran kemahiran baharu. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada proses kreatif yang membantu kanak-kanak belajar sambil membesar (Duffy, 1998). Hal ini kerana kanak-kanak akan menjadi kreatif kerana *messy play* menggunakan semua deria semasa proses penerokaan terutamanya deria sentuhan. Kajian Yin et al. (2015) yang mengkaji tentang bagaimana *messy play* merangsang kreativiti dan imaginasi kepada lapar orang kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian Yin et al. (2015) menunjukkan bahawa lapar kanak-kanak tersebut menunjukkan

kebolehan kreativiti dan imaginasi dalam *messy play* dengan menggunakan bahan yang lembut dan basah.

Peluang pembelajaran secara penerokaan kepada autisme yang boleh dicapai menerusi kegiatan *messy play* adalah seperti berikut:

- (1) Kemahiran memanipulasi bahan
- (2) Daya imaginasi dan kreativiti melalui pengalaman langsung
- (3) Peluang komunikasi terbuka antara ibu bapa dan kanak-kanak dengan autisme
- (4) Meningkatkan tempoh masa bagi daya tumpu kanak-kanak

Kajian menunjukkan bahawa *messy play* boleh membantu meningkatkan regulasi deria, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dengan autisme. Sebagai contoh, aktiviti bermain sensori yang dilakukan bersama ibu bapa di rumah membantu meningkatkan corak pemprosesan deria kanak-kanak dengan autisme (Baharian et al., 2023). Selain itu, *messy play* juga terbukti membantu kanak-kanak mengurangkan rasa cemas yang berpunca daripada ketidakselesaan deria, sambil meningkatkan tumpuan dan perhatian mereka (Wang et al., 2022).

Sensorimotor *messy play* memberi pelbagai manfaat kepada ibu bapa yang terlibat secara langsung dalam terapi harian di rumah. Antara kelebihan utama kepada ibu bapa ialah:

- (1) Kaedah terapi yang mudah dan kos efektif: Tidak memerlukan peralatan khas atau persekitaran klinikal—bahan seperti pasir, tanah liat, air berwarna, dan beras boleh digunakan dalam rumah.
- (2) Meningkatkan keyakinan keibubapaan: Ibu bapa lebih yakin dan bersemangat apabila dapat melihat kemajuan anak hasil interaksi mereka sendiri dalam aktiviti deria.
- (3) Mengurangkan tekanan keibubapaan: Kajian menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sensori dapat mengurangkan tekanan ibu bapa kerana suasananya santai dan menyeronokkan (Bagatell et al., 2010).
- (4) Meningkatkan hubungan ibu bapa dan anak: Aktiviti *messy play* memupuk interaksi positif, komunikasi dua hala, dan ikatan emosi yang lebih kuat.